

*Tarikh Dibaca: 09 Oktober 2020M / 21 Safar 1442H*



# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

**“GALAKAN DAN KELEBIHAN  
BERSELAWAT KEPADA NABI SAW”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "GALAKAN DAN KELEBIHAN BERSELAWAT KEPADA NABI SAW"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ<sup>١</sup>

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهٖ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>٢</sup>

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan untuk diri saya sendiri dan seterusnya kepada hadirin Jumaat sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya kebahagiaan hakiki hidup di dunia mahupun di akhirat hanyalah ditentukan oleh keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah SWT.

<sup>1</sup> Al-Ahzab : 56.

<sup>2</sup> Ali Imran : 102.



Khatib ingin mengajak semua jemaah untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "**"GALAKAN DAN KELEBIHAN BERSELAWAT KEPADA NABI SAW"**

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Sesungguhnya terdapat banyak kelebihan berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, antaranya:

**PERTAMA: IA ADALAH PERINTAH ALLAH SWT.** Firman Allah SWT sebagaimana dibaca di awal khutbah ini daripada surah al-Ahzab ayat 56 yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah dan para Malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebajikan) kepada Nabi Muhammad SAW. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya dan ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."*

Oleh kerana itu, berselawat ke atas Rasulullah SAW adalah salah satu cara kita menurut perintah Allah di samping mengingati segala jasa baginda dalam memperjuangkan Islam serta peribadinya yang unggul.

**KEDUA: MENDAPAT BALASAN SELAWAT DARIPADA ALLAH SWT.** Walaupun berselawat nampak mudah, namun fadhilatnya amat besar bagi mukmin yang melaziminya. Allah mengasihi hamba-Nya yang sentiasa meletakkan Rasulullah SAW di dalam hatinya.

Daripada Abu Hurairah RadiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

*مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا*

*"Sesiapa berselawat kepadaku dengan sekali selawat, maka Allah akan berselawat ke atasnya sepuluh kali."*

*(Riwayat Muslim).*



Jika kita berzikir dan berselawat dengan memohon supaya Allah melimpahkan kemuliaan, kehormatan, dan kepujian kepada Nabi Muhammad SAW, Allah pula membala selawat kita dengan cara menurunkan rahmat, berkat serta kemuliaan kepada kita.

### **KETIGA; MENGHINDAR MUSIBAH DAN DIAMPUNKAN DOSA.**

Memperbanyak berselawat dapat menjamin dan menyelamatkan kita daripada segala perkara yang mendukacitakan dan membimbangkan samada di dunia mahu pun akhirat. Seperti yang disebutkan dalam sebuah hadis daripada Ubai bin Ka'ab RadiAllahu Anhu yang bertanya kepada Nabi SAW jika dia memerlukan semua masa doanya untuk berselawat, maka Nabi SAW menjawab dengan sabdanya:

إِذَا تُكْفِيْ هَمَّكَ، وَيُغْفِرَ لَكَ ذَنْبُكَ

*"Jika demikian, terhindarlah dukacitamu dan diampunkan dosa-dosamu."*

*(Riwayat Al-Tirmizi).*

**Hadirin Jumaat yang berbahagia,**

Galakan dan kelebihan **KEEMPAT** apabila kita berselawat ke atas Nabi SAW ialah **DIANGKATKAN DARJAT** kita oleh Allah SWT. Hadis daripada Anas bin Malik RadiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاتٍ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ  
صَلَوَاتٍ ، وَحُطِّتْ عَنْهُ عَشْرُ خَطِيئَاتٍ ، وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ  
دَرَجَاتٍ



"Sesiapa yang mengucapkan selawat kepadaku satu kali maka Allah akan berselawat baginya sepuluh kali, dan digugurkan sepuluh kesalahan (dosa)nya, serta ditinggikan baginya sepuluh derjat (di syurga kelak)."

(Riwayat Al-Nasa'i).

**KELIMA; UCAPAN SELAWAT KITA AKAN DIBENTANGKAN DIAKHIRAT KEPADA NABI SAW.** Berselawat kepada Baginda juga dituntut terutamanya pada hari Jumaat. Hadis daripada Aus bin Abu Aus RadiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ أَفْضَلِ أَيَامِكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، فَأَكْثُرُوا عَلَيَّ مِنَ الصَّلَاةِ فِيهِ، فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ مَعْرُوفَةٌ عَلَيَّ

"Sesungguhnya di antara hari yang paling mulia bagi kamu semua ialah hari Jumaat, oleh yang demikian hendaklah kamu semua memperbanyakkan membaca selawat kepadaku pada hari itu, kerana sesungguhnya ucapan selawat kamu semua akan ditunjukkan kepadaku."

(Riwayat Abu Daud).

### **Hadirin Jumaat Yang Dimuliakan,**

Setelah kita mendengar kelebihan berselawat ke atas Nabi SAW, marilah kita berusaha untuk beramal dengan perkara tersebut, kerana dengan banyak berselawat kepada Rasulullah SAW merupakan tanda cinta kasih seorang muslim kepada Baginda SAW.

Sebaliknya, bagi mereka yang bakhil untuk berselawat, Nabi SAW telah bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib:

الْبَخِيلُ الَّذِي مَنْ ذُكِرْتُ عِنْدَهُ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ



"Orang bakhil ialah mereka yang apabila disebut namaku mereka tidak berselawat ke atasku".

(Riwayat Al-Tirmizi.)

Justeru, buktikanlah perasaan kasih dan cinta kita kepada Nabi SAW dengan sentiasa berselawat kepada Baginda SAW terutamanya ketika nama Nabi SAW disebutkan maka bersegeralah menjawab ﷺ.

### Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting daripada khutbah pada hari ini sebagai panduan kita bersama iaitu:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa berselawat ke atas Nabi SAW adalah perintah daripada Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah memahami bahawa ganjaran yang besar disediakan oleh Allah SWT kepada mereka yang berselawat ke atas Nabi SAW.
3. Umat Islam hendaklah memperbanyak berselawat ke atas Nabi SAW sebagai tanda cinta kepada Nabi SAW sekaligus membala cinta dan kasih sayang Nabi SAW kepada umatnya.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ  
حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat



berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman."

(Al-Taubah : 128)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلٌ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang berbahagia,**

Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan mati. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إله إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.

Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk terlebih dahulu sebelum datang ke masjid atau surau, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak



sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاَّعُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ  
الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىِيَّةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاَّعُورِ،  
تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ، فِي أَمْنِ وَصَالَحِ وَعَافِيَّةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ  
وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِ وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu



padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، ادْفِعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ  
وَالشَّدَادِ وَالْمَحْنَ، بِلْطُفْكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ  
النَّارِ ۝.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ ۝

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*